



YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI
أَهْلِيْ بِحَالِيْنَ مِسْوَرَاتِ كَرَامَاتِ كَرِيْ جَوْهَرِ
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN
NEGERI JOHOR

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

1. Berdasarkan Sidang Media Pembukaan Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia oleh Menteri Kanan Pendidikan Malaysia pada 19 Februari 2021, Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Negeri Johor ingin memaklumkan pembukaan bagi Institusi-Institusi Pendidikan Islam Negeri Johor adalah sepertimana ketetapan berikut:
 - 1.1 Sesi persekolahan penuh bagi Tadika Agama Johor (TAJ) akan bermula pada 07 Mac 2021 (Ahad) bersamaan 23 Rejab 1442H.
 - 1.2 Sesi persekolahan bagi Sekolah-sekolah Agama Kerajaan Negeri Johor (SAKNJ) dilaksanakan secara 2 sesi iaitu Tahap 1 (Darjah 1,2 dan 3) bersekolah pada hari Isnin dan Rabu bermula pada 8 Mac 2021 (Isnin). Manakala Tahap 2 (Darjah 4,5 dan 6) bersekolah pada hari Ahad, Selasa dan Khamis Bermula 7 Mac 2021 bersamaan 23 Rejab 1442H.
 - 1.3 Persekolahan bagi Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor (SMAKJ) dan Sekolah Menengah Agama Swasta yang berdaftar di Negeri Johor akan bermula pada 04 April 2021M (Ahad) bersamaan 21 Syaaban 1442H.
 - 1.4 Sesi persekolahan Tingkatan 1 hingga 5 serta Murid-murid Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) sesi 2021 di Maahad Johor (MJ) dan Maahad Tahfiz Negeri Johor (MTNJ) adalah bermula 11 April 2021M (Ahad) bersamaan 28 Syaaban 1442H.
 - 1.5 Sekolah Rendah Agama Rakyat, Sekolah Rendah Agama Swasta, Institusi Tahfiz Swasta dan Institusi Pondok Swasta, Madrasah Malabar yang berdaftar dengan Bahagian Pendidikan Islam Jabatan Agama Islam Negeri Johor akan memulakan persekolahan bermula 07 Mac 2021M (Ahad)

bersamaan 23 Rejab 1442H. Bagi Institusi Pendidikan Islam Swasta yang masih di dalam proses pendaftaran hendaklah memohon pembukaan sekolah mengikut tarikh yang telah ditetapkan oleh Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Negeri Johor. Permohonan kebenaran tersebut hendaklah dimajukan kepada Pejabat Pendidikan Islam Daerah dan tertakluk kepada kebenaran beroperasi oleh Pegawai Pendidikan Islam Daerah. Institusi pendidikan Islam Swasta yang tidak berdaftar adalah tidak dibenarkan beroperasi.

2. Perincian Garis Panduan Persekolahan bagi Sekolah-sekolah Agama Kerajaan Negeri Johor dan Sekolah-Sekolah Berasrama bagi Institusi Pendidikan Islam Negeri Johor akan dikeluarkan oleh Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Negeri Johor.
3. Walaubagaimanapun, ketetapan ini adalah tertakluk kepada arahan Kerajaan dari semasa ke semasa.

Sama-samalah kita berdoa kepada Allah S.W.T. agar terangkatnya wabak virus Covid19 yang sedang melanda di seluruh dunia khususnya di Negeri Johor ini serta keadaan kembali pulih sedikala. Moga anak-anak kita dapat meneruskan pembelajaran dengan sempurna di masa akan datang.



YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTI
Pengerusi
Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Negeri Johor

Tarikh : 21 Februari 2021M bersamaan 9 Rejab 1442H (Ahad)